

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 16

RUANGAN : NASIONAL

16

Nasional

27 SEPTEMBER 2020 BH

Penularan COVID-19

Individu tiba dari Sabah disaring

Kes terus meningkat, empat daerah kini dikenal pasti Zon Merah

Oleh Rafidah Mat Ruzki
fidahrzki@bh.com.my

Putrajaya: Semua individu yang tiba dari Sabah akan disaring di pintu masuk domestik dan antarabangsa, bermula hari ini hingga 10 Oktober depan.

Ia susulan peningkatan bertenaran kes dan kluster COVID-19 di Sabah yang menyaksikan empat daerah kini dikenal pasti sebagai Zon Merah selain terdapat pertambahan bilangan pelawat dikesan positif wabak itu sekembali ke Semenanjung.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata 10 kes positif dikesan dalam kalangan individu yang kembali dari Sabah antara 20 hingga 25 September lalu.

Semalam katanya, terdapat 11 lagi kes positif dikesan di Semenanjung selepas pulang dari Sabah.

"Mengambil kira situasi semasa, ada keperluan untuk melaksanakan langkah pencegahan dan kawalan penularan jangkitan COVID-19 ke atas individu dengan

sejarah perjalanan dari Sabah.

"Ia bagi memantau risiko penularan jangkitan dalam kalangan individu berkenaan.

"Mereka diwajibkan memuat turun dan mendaftar aplikasi MySejahtera serta daftar masuk menggunakan aplikasi itu setiba di pintu masuk domestik dan antarabangsa di negara ini.

"Individu terbabit perlu melalui saringan gejala jangkitan saluran pernafasan dan ujian saringan pengelesen COVID-19 seurus tiba di kedua-dua pintu masuk itu, serta menjalani perintah pengawasan dan pemerhatian di rumah (HSO).

"Semua individu terbabit akan diberi surat HSO dan dipakaikan gelang kuarantin. HSO akan bermula dari tarikh ketibaan mereka di kedua-dua pintu masuk itu sehingga keputusan makmal diperoleh," katanya dalam kenyataan, semalam.

Beliau berkata, pelepasan HSO akan diberikan sekiranya keputusan ujian makmal menunjukkan negatif COVID-19.

Pada masa sama, Dr Noor Hisham berkata, jika ada individu yang perlu meneruskan perjalanan ke rumah masing-masing dengan menaiki kenderaan awam seperti teksi dan perkhidmatan e-hailing seperti Grab, surat kebenaran untuk ke alamat yang ditetapkan akan diberikan pada hari mereka tiba dan disaring.

Beliau berkata, jika individu



Mengambil kira situasi semasa, ada keperluan untuk melaksanakan langkah pencegahan dan kawalan penularan jangkitan COVID-19 ke atas individu dengan sejarah perjalanan dari Sabah.

Dr Noor Hisham Abdullah,
Ketua Pengarah Kesihatan

terbabit mengalami gejala jangkitan saluran pernafasan dalam tempoh 14 hari dari tarikh pulang, mereka perlu menjalani saringan ulangan bagi COVID-19.

Katanya, saringan terhadap individu (warganegara dan bukan warganegara) yang pulang dari Sabah itu dikecualikan daripada

caj ujian COVID-19.

Ketika ini, empat daerah di Sabah iaitu Tawau, Lahad Datu, Kunak dan Semporna dikenal pasti sebagai Zon Merah.

Sementara itu Dr Noor Hisham berkata, sebanyak 82 kes baharu COVID-19 direkodkan semalam dengan 79 daripadanya adalah jangkitan tempatan, manakala baki kes import.

Katanya, pertambahan kes itu menyaksikan sebanyak 10,769 kes positif COVID-19 sudah dicatatkan di negara ini sejak Januari lalu hingga tengah hari semalam dengan kes aktif sebanyak 851.

Beliau berkata, 89 kes pulih sepenuhnya juga dicatatkan semalam dengan jumlah kumulatif kes sembuh adalah 9,785 atau 90.86 peratus daripada keseluruhan kes.

Beliau berkata, daripada 79 individu yang dijangkiti dalam kes penularan tempatan, 53 adalah warganegara, 26 bukan warganegara, manakala dua daripada kes import membabitkan warganegara dan seorang bukan warganegara.

"Ingin dimaklumkan daripada 82 kes baharu yang dilaporkan, tiga adalah kes import yang mendapat jangkitan di luar negara membabitkan dua warganegara dan seorang bukan warganegara.

"Satu kes dari Yaman dan satu kes dari Bangladesh, kedua-duanya dilaporkan di Kuala Lumpur

membabitkan warganegara, manakala satu kes dari Filipina dilaporkan di Kuala Lumpur, membabitkan bukan warganegara," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, penularan dalam negara membabitkan sebanyak 64 kes yang dikesan di Sabah iaitu 33 kes daripada Kluster Benteng LD membabitkan 11 kes warganegara dan 22 kes bukan warganegara; 25 kes daripada Kluster Bangau-Bangau yang membabitkan 24 kes warganegara dan seorang kes bukan warganegara; tiga kes saringan bergejala membabitkan warganegara; satu kes saringan petugas kesihatan di Pintu Masuk Antarabangsa iaitu pulang dari Semenanjung membabitkan warganegara; satu kes penyakit seperti influenza (ILI) di Klinik Kesihatan Tawau membabitkan warganegara; dan satu saringan termasuk ke Hospital Wanita dan Kanak-Kanak Likas yang membabitkan bukan warganegara.

Beliau berkata, tiga kes turut dikesan di Negeri Sembilan iaitu dua kes saringan pulang dari kawasan berisiko tinggi (Sabah) membabitkan warganegara dan satu kes saringan ke luar negara yang membabitkan bukan warganegara.

Katanya, tiga kes juga dikesan di Kuala Lumpur membabitkan kes saringan pulang dari Sabah yang kesemuanya adalah warganegara.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 12

RUANGAN : NASIONAL

12

Sinar Ahad

/NASIONAL/

27 SEPTEMBER 2020 • SINAR AHAD

Sabah masih tertinggi

Sebanyak 64 kes baharu direkodkan di Sabah daripada 82 kes semalam

KUALA LUMPUR

Sabah kekal mencatatkan jumlah tertinggi kes baharu koronavirus (Covid-19) negara dengan 64 kes direkodkan daripada 82 kes baharu semalam, kata Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

Beliau berkata, daripada jumlah keseluruhan itu, sebanyak 79 kes penularan tempatan dan tiga kes import, menjadikan kes terkumpul wabak itu mencecah 10,769 dengan 133 kematian.

"Daripada 79 kes penularan di dalam negara, 53 kes

melibatkan warga tempatan dan 26 kes bukan warganegara.

Daripada 64 kes yang berlaku di Sabah, 33 kes daripada Kluster Benteng LD, 25 kes daripada Kluster Bangau-Bangau, tiga kes saringan bergejala, satu kes saringan di Pintu Masuk Antarabangsa pulang dari Semenanjung, satu kes penyakit seperti selsema (ILI) di Klinik Kesihatan Tawau dan satu saringan kemasukan ke Hospital Wanita dan Kanak-Kanak Likas," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Beliau berkata, 15 lagi kes penularan tempatan melibatkan tiga kes di Negeri Sembilan iaitu dua kes saringan pulang dari kawasan berisiko tinggi (Sabah) dan satu kes saringan ke luar negara, tiga di Wilayah



NOOR HISHAM

Persekutuan Kuala Lumpur iaitu kes saringan pulang dari kawasan berisiko tinggi (Sabah).

Di Selangor pula, terdapat dua kes penularan tempatan, masing-masing melibatkan satu kes saringan pulang dari kawasan berisiko tinggi (Sabah) dan satu saringan tahanan, manakala Terengganu merekodkan dua kes saringan pulang dari kawasan berisiko tinggi (Sabah)," katanya.

Sementara itu, Pahang, Johor dan Melaka masing-masing mencatatkan satu kes saringan pulang dari kawasan berisiko tinggi (Sabah) manakala Sarawak serta Wilayah Persekutuan Labuan masing-masing merekodkan satu kes saringan petugas kesihatan. - Bernama

Semua individu tiba dari Sabah wajib jalani saringan mulai hari ini

KUALA LUMPUR - Semua individu yang baru tiba dari Sabah wajib menjalani saringan di pintu masuk antarabangsa (PMA) bermula hari ini sehingga 10 Oktober ini, kata Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

Beliau berkata, saringan itu dibuat kerana terdapat keperluan untuk melaksanakan langkah pencegahan dan kawalan penularan jangkitan koronavirus (Covid-19) ke atas individu dengan sejarah perjalanan dari Sabah bagi memantau risiko penularan jangkitan dalam kalangan individu terbabit.

"Semua individu itu wajib memuat turun dan mendaftar aplikasi MySejahtera dan daftar masuk menggunakan aplikasi itu setelah tiba di PMA negara dan menjalani saringan-gejala jangkitan saluran pernafasan dan ujian saringan pengesanan Covid-19 seurus tiba di PMA.

"Mereka juga wajib menjalani perintah pengawasan dan

pemerhatian di rumah (HSO) dengan kesemua individu di PMA diberi surat HSO dan dipakaikan gelang kuarantin," katanya semalam.


Beliau berkata, tarikh HSO bermula dari tarikh ketibaan di PMA sehingga keputusan makmal diperoleh dan pelepasan HSO akan diberikan sekiranya keputusan ujian makmal menunjukkan negatif Covid-19.

Dr Noor Hisham berkata, sekiranya terdapat individu yang perlu meneruskan perjalanan ke rumah masing-masing dengan menaiki kenderaan awam seperti teksi dan perkhidmatan Grab, surat kebenaran untuk ke alamat yang ditetapkan akan diberikan pada hari berkenaan.

"Bagi individu yang mengalami gejala jangkitan saluran pernafasan dalam tempoh 14 hari dari tarikh pulang, mereka perlu menjalani saringan ulangan Covid-19," katanya. - Bernama

SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA SETAKAT SEMALAM


Bilangan kes Covid-19 mengikut negeri di Malaysia



JUMLAH KES BAHARU DAN SEMBUH DILAPORKAN SETIAP HARI

JUMLAH KESELURUHAN: 10,769 | PULIH: 9,785 | ICU: 8 | KEMATIAN: 133 | KES BAHARU: +82

Jumlah jangkitan Covid-19 di Malaysia semalam meningkat daripada 10,687 kes kepada 10,769 kes



AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : NEGARA

6

Negara!



Covid-19 #kitamestimenang

Kosmo! Ahad 27 SEPTEMBER 2020

82 penularan harian, Sabah masih catat kes tertinggi

PUTRAJAYA — Sabah masih mencatatkan kes penularan tertinggi dengan 64 kes dilaporkan semalam termasuk 33 kes dari Kluster Benteng LD dan 25 kes dari Kluster Bangau-Bangau.

Angka itu adalah sebahagian daripada 82 kes baharu Covid-19 semalam yang membabitkan 79 kes tempatan dan tiga kes import sekali gus menjadikan jumlah kes positif sebanyak 10,789 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, kesemua 33 kes baharu di Kluster Benteng LD dikesan di Tawau menjadikan jumlah kes positif dalam kluster itu sebanyak 776.

Beliau berkata, seramai 10,775

individu telah disaring dalam kluster tersebut dengan 1,959 masih menunggu keputusan ujian.

"Selain itu, 25 kes baharu di Kluster Bangau-Bangau menjadikan jumlah keseluruhan kes positif dalam kluster ini sebanyak 159 dengan 114 daripadanya adalah warganegara, manakala 45 warga Filipina.

"Seramai 351 individu telah disaring setakat ini dan 155 masih menunggu keputusan," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Noor Hisham berkata, enam kes lain di Sabah melibatkan kes saringan bergejala (tiga) dan masing-masing satu kes saringan petugas kesihatan pu-

lang dari Semenanjung di Pintu Masuk Antarabangsa, saringan penyakit seperti influenza di Klinik Kesihatan Tawau dan saringan kemasukan ke Hospital Wanita dan Kanak-Kanak Likas.

Beliau berkata, selain itu, sebanyak 11 kes positif Covid-19 dikesan di Semenanjung membabitkan individu yang mempunyai sejarah perjalanan pulang dari Sabah.

Menurutnya, kes terbabit dikesan di Kuala Lumpur (tiga), Negeri Sembilan (dua), Terengganu (dua) dan masing-masing satu di Selangor, Pahang, Melaka dan Johor yang kesemuanya melibatkan warganegara.

"Kes tempatan lain turut meli-

batkan satu saringan sebelum pulang ke negara asal melibatkan warga asing di Negeri Sembilan dan satu saringan tahanan warga asing di Selangor.

"Selain itu, dua kes lain adalah saringan petugas kesihatan yang dikesan di Sarawak dan Labuan," katanya.

Berhubung kes import, Noor Hisham berkata, tiga kes mendapat jangkitan dari Yemen, Bangladesh dan Filipina dengan kesemuanya dilaporkan di Kuala Lumpur dan membabitkan warganegara.

"Sehingga kini, terdapat lapan kes positif sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi dengan empat daripadanya memerlukan bantuan pernafasan," katanya.



Angka Terkini Kes Covid-19 Di Malaysia sehingga semalam

	Jumlah
Kes baharu	82
Import: 3 Tempatan: 79	
Pulih	89
Kematian	0
Masih dirawat	851
Jumlah kes sembuh	9,785
Jumlah Kematian	133
Jumlah kes keseluruhan	10,769

Individu pulang dari Sabah dikenakan pengawasan

Wajib saringan, kuarantin di rumah

Oleh NOR IDAYU BOSRO

PUTRAJAYA — Bermula hari ini, individu warganegara dan warga asing yang tiba dari Sabah di semua Pintu Masuk Domestik dan Antarabangsa diwajibkan menjalani saringan pengesanan Covid-19 dan saringan gejala jangkitan saluran pernafasan.

Arahan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan itu terpacak sehingga 10 Oktober depan selepas mengambil kira situasi penularan jangkitan di Semenanjung membabitkan individu yang mempunyai sejarah perjalanan dari Sabah.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, semua individu yang tiba dari Sabah juga diwajibkan menjalani perintah pengawasan dan pemerhatian di rumah (HSO) dari tarikh ketibaan di Pintu Masuk Domestik dan Antarabangsa sehingga keputusan makmal diperoleh.

Beliau berkata, kesemua individu yang tiba dari Sabah akan diberi surat HSO dan dipakaikan gelang kuarantin.

"Mereka wajib memuat turun, mendaftar aplikasi MySejahtera dan daftar masuk menggunakan aplikasi ini setibanya di pintu masuk negara.

"Jika terdapat individu yang perlu meneruskan perjalanan ke rumah masing-masing dengan menaiki kenderaan awam seperti



SEMUA individu yang pulang dari Sabah perlu disaring dan dikuarantin bagi mengelakkan penularan Covid-19. — GAMBAR HIASAN

teks dan Grab, surat kebenaran untuk ke alamat yang ditetapkan akan diberikan pada hari tersebut," katanya dalam kenyataan akhbar semalam.

Noor Hisham berkata, manakala individu yang mengalami gejala jangkitan saluran pernafasan dalam tempoh 14 hari dari tarikh pulang perlu menjalani saringan ulangan Covid-19.

"Pelepasan HSO akan diberikan sekiranya keputusan ujian makmal menunjukkan negatif Covid-19. Saringan ini dikecualikan caj ujian Covid-19," katanya.

Sehingga kini, terdapat 21 kes positif membabitkan individu

yang pulang dari Sabah termasuk 11 kes baharu yang dilaporkan semalam.

Justeru, ujarnya, terdapat keperluan untuk melaksanakan langkah pencegahan dan kawalan penularan jangkitan Covid-19 ke atas individu balik dari Sabah bagi memantau risiko penularan.

"Tempoh pelaksanaan langkah pencegahan dan kawalan penularan jangkitan Covid-19 ke atas individu yang baru pulang dari Sabah akan disemak dari semasa ke semasa, berdasarkan penilaian risiko penularan jangkitan," katanya.

Seorang pelajar Kolej Tunku Kurshiah dikuarantin

SEREMBAN — Seorang pelajar Kolej Tunku Kurshiah, Bandar Enstek di sini dikuarantin selepas menjadi kontak rapat bapanya yang disahkan positif Covid-19 selepas pulang dari Sabah baru-baru ini.

Pengetuannya, Anismah M. Noh berkata, lelaki itu bersama isteri dan dua lagi anaknya datang ke sekolah itu pada 19 September lalu untuk menghadiri program Town Hall dan Hari Pelaporan.

Katanya, pihak sekolah menetapkan ibu bapa dari Kedah dan Sabah tidak dibenarkan hadir program itu tetapi lelaki itu masuk ke kolej untuk menghantar isterinya.

"Dia bersama dua lagi anaknya kemudiannya pergi ke sebuah pasar raya di Nilai sebelum datang kembali ke kolej untuk menjemput isterinya dan menghantar anaknya yang belajar di tingkatan satu di kolej ini ke asrama.

"Di dalam kereta dia sentiasa memakai penutup muka dan tidak bersalaman dengan anaknya. Jangka masa mereka bertemu juga singkat," katanya

dalam kenyataan di sini semalam.

Tambahnya, pelajar itu diasingkan serta-merta dan tidak menunjukkan sebarang gejala seperti batuk dan selesema.

"Pihak Pejabat Kesihatan Daerah datang ke kolej semalam dan membawa pelajar itu ke pusat kuarantin di Institut Aminuddin Baki di Bandar Enstek di sini selama 14 hari.

"Susulan itu aktiviti yang melibatkan bilangan pelajar yang ramai di kolej telah dibatalkan dan proses sanitasi di kelas serta asrama pelajar terlibat telah dijalankan," jelasnya.

Sementara itu, Kolej Tunku Kurshiah menerusi akaun Facebook mereka semalam memaklumkan, keputusan swab test pertama pelajar tersebut adalah negatif.

"Pihak kolej memohon kerjasama semua pihak agar tidak menyebarkan sebarang fakta yang tidak tepat kerana boleh mengundang pelbagai persepsi negatif dalam kalangan masyarakat," katanya.



SEORANG pelajar Kolej Tunku Kurshiah di Seremban dikuarantin selepas menjadi kontak rapat kepada bapanya.

AKHBAR : NEW SUNDAY TIMES

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : NEWS / STORY OF THE DAY

SEPTEMBER 27, 2020 • NewSundayTimes

Story of the day / NEWS

3

Home quarantine for travellers from Sabah

KUALA LUMPUR: Individuals returning from Sabah must undergo mandatory home quarantine for 14 days beginning today as per the Health Ministry's Home Surveillance Order (HSO) rules.

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said they would be subjected to Covid-19 health inspection and screening upon arrival at entry points in the peninsula and Sarawak from Sept 27 to Oct 10.

"As reported on Sept 25, 10 Covid-19 positive cases were detected among people returning from Sabah from Sept 20 to Sept 25. Today (yesterday), 11 more cases, among the returnees from Sabah, were detected in Peninsular Malaysia.

"The increase in cases and clusters in Sabah is ongoing and four districts have been identified as red zones. Therefore, from Sept 27 to Oct 10, all individuals who have just arrived from Sabah will be screened," he said yesterday.

He said they were required to download and register with the MySejahtera application and check in using the application upon arrival at the point of entry.

Upon arrival at the gate, the returnees would undergo respiratory symptomatic screening and a Covid-19 detection screening test.

"They will have to undertake a HSO. All individuals at the entry points will be given a HSO letter and a quarantine bracelet.

"HSO will start from the date of arrival at the entry point until laboratory results are obtained. HSO release will be given if test results are negative."

He said if there were those who needed to continue their journey to their homes by public transport, such as taxis, a letter of permission to go to the designated address would be given.

If returnees experienced respiratory tract infection symptoms within 14 days from the date of return, they should undergo another Covid-19 screening.

He said those arriving from Sabah would be exempted from the Covid-19 test charge fee.

On case updates, Dr Noor Hisham said no new cluster were detected yesterday. The number of cases in the country currently stood at 10,769.

He said from the 82 new cases, 79 were local transmissions and three were imported.

"The locally-transmitted cases involve 53 Malaysians and 26 foreigners, where 11 of them had returned from Sabah.

"Meanwhile, the three imported cases involve two Malaysians who returned from Yemen and Bangladesh and a foreigner from the Philippines."

He said Sabah registered the highest number of daily cases in the past 24 hours.

"The Benteng LD cluster recorded 33 new cases (11

Malaysians and 22 foreigners in Tawau), raising the total number of positive cases in the cluster to 776 (of which 337 were foreigners involving 214 Filipinos, 122 Indonesians and one Timor Leste).

"The Bangau-Bangau cluster registered 25 cases (24 Malaysians and one foreigner), bringing the total positive cases to 159 (114 Malaysians and 35 Filipinos).

"Other cases in Sabah were detected during symptomatic screenings (three Malaysians), at the international entry point (a Malaysian who returned from the peninsula), another Clinic Malaysian with influenza-like illness at the Tawau Health, and a foreigner who was admitted at Likas Women and Children Hospital."

To date, 10,775 people linked to the Benteng LD cluster had been screened in Tawau, Lahad Datu, Kinabatangan and Sandakan.

Dr Noor Hisham said 89 Covid-19 patients had recovered and were discharged today, raising the cumulative number of recovered cases to 9,785 (90.86 per cent).

He added eight Covid-19 cases were being treated at the intensive care units, with four on ventilator support.

No new deaths were reported yesterday and the number of Covid-19 fatalities remains at 133 (1.24 per cent).

Record 115 people arrested for violating RMC0

KUALA LUMPUR: Police arrested a record 115 people on Friday for violating the Recovery Movement Control Order (RMC0) standard operating procedures (SOP).

Senior Minister (Security Cluster) Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob said 111 were slapped with compounds, while the remaining four were remanded.

He said among the offences were failure to practise physical distancing (35), leaving the house without a reasonable excuse at Enhanced Movement Control Order areas (31) and having expired travel documents (26).

Other offences include failing to prepare equipment or entry and exit records (17), operating premises without permission (five) and not wearing a face mask (one), he said.

"The compliance operation task force, led by the police, conducted 53,695 inspections to monitor and enforce the SOP.

"A total of 2,846 compliance teams, comprising 12,356 personnel, conducted inspections at 3,458 supermarkets, 4,302 restaurants, 1,358 hawker stalls, 1,065

factories, 3,459 banks, and 630 government offices nationwide.

"Also inspected were 1,196 land, 186 water and 149 air transport terminals," he said yesterday.

Ismail Sabri, who is senior defence minister, said as part of Op Benteng that two boats and five land vehicles were confiscated, and 67 undocumented migrants were detained for attempting to enter the country via rat lanes.

On Friday, police mounted 98 Op Benteng roadblocks to prevent illegal immigrants from entering the country.

He said, from July 24 to Sept 25, the Health Ministry screened 35,116 individuals upon their arrival via the country's international gateways.

He said they were placed at 66 hotels and nine other premises, including public training institutes, in Kuala Lumpur, Selangor, Negri Sembilan, Penang, Johor, Sarawak, Kelantan, Perak, Kedah, Perlis, Terengganu, Sabah and Labuan.

From the total number of returnees, 7,903 individuals were put under mandatory quaran-

tine, 103 sent to hospital for treatment and 27,110 people had been discharged.

They returned from 33 countries, including the Philippines, Thailand, Indonesia, Turkey, South Korea, Iran, Nepal, Bangladesh, Myanmar, Timor Leste, Taiwan, China, the United Kingdom, the Netherlands, Papua New Guinea, Egypt, Spain, France, Australia, New Zealand and the United States.

Ismail Sabri said the Housing and Local Government Ministry had, since March 30, conducted 10,107 sanitation operations in 135 zones.

He said the Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry's enforcement team had, on Friday, conducted daily monitoring of supplies of 12 goods at 677 business premises, including retailers (505), wholesalers (146) and manufacturers (26).

"Enforcement officers conducted 1,116 SOP inspections and found that 1,094 premises complied with the SOP, while 22 premises were advised to follow them after failing to do so."

AKHBAR : SUNDAY STAR

MUKA SURAT : 9

RUANGAN : NATION

SUNDAY STAR, SUNDAY 27 SEPTEMBER 2020

Nation 9

Covid-19: Current situation globally (As at 7pm Sept 26, 2020)

Covid-19: Current situation globally							New cases	Total cases	Total deaths	Total recovered		
(As at 7pm Sept 26, 2020)							Malaysia	82	10,769	133	9,785	
Asean+	Philippines	Indonesia	China	Japan	Singapore	S. Korea	Myanmar	Thailand	Vietnam	Cambodia	Brunei	Laos
Confirmed cases	301,256	271,339	85,337	80,497	57,685	23,516	9,112	3,522	1,069	275	146	23
Deaths	5,284	10,308	4,634	1,532	27	399	174	59	35	0	3	0
Recovered	232,906	199,403	80,536	73,490	57,341	21,166	2,381	3,362	999	274	142	22
Global Top 10	US	India	Brazil	Russia	Colombia	Peru	Spain	Mexico	Argentina	South Africa		
Confirmed cases	7,244,184	5,908,748	4,692,579	1,143,571	798,317	794,584	735,198	720,858	691,235	668,529		
Deaths	208,440	93,440	140,709	20,225	25,103	32,037	31,232	75,844	15,208	16,312		
Recovered	4,480,719	4,849,584	4,040,949	940,150	687,477	650,948	N/A	518,204	546,924	599,149		

Mandatory home quarantine

Those returning from Sabah required to stay home until given all-clear

PETALING JAYA: Those returning from Sabah to other parts of the country will be required to quarantine at home until lab results certify they are free of Covid-19, says Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

From today until Oct 10, screening and testing will be carried out at entry points for those arriving from Sabah, which has experienced a spike in Covid-19 cases.

Dr Noor Hisham said individuals would be given a letter of home surveillance order (HSO) and would

have to wear a quarantine wristband.

They will also have to check in using the MySejahtera application.

"The date of the HSO will begin on arrival until the lab results have been obtained. A release of the HSO will only be given if the lab results for Covid-19 are negative," he said in a statement yesterday.

Those taking public transport such as taxi or e-hailing will be given a letter of approval for a particular address on the day they arrive.

"If the individual displays any

symptoms of respiratory tract infection within 14 days of returning, they will have to undergo another screening for Covid-19," said Dr Noor Hisham.

There will be no charge imposed for the tests, including for non-citizens.

Dr Noor Hisham said measures to contain the spread of Covid-19 from those returning from Sabah would be reviewed from time to time based on the risk of spread of the disease.

Meanwhile, he said there were 10 positive Covid-19 cases detected

among those returning from Sabah from Sept 20-25, while another 11 cases were detected among returnees yesterday.

In the past few weeks, Sabah has recorded a spike in Covid-19 cases, with the Benteng LD cluster alone reporting 776 positive cases.

Yesterday, a total of 33 new cases were detected in the cluster while 25 cases were detected in the Bangau-Bangau cluster.

Four districts in the state - Lahad Datu, Tawau, Kunak and Semporna - have been classified as red zones.

As the Sabah polls ended yesterday, many of those involved in the election are expected to return to Peninsular Malaysia.

Sabah Barisan Nasional candidate in Pitas, Sufian Abdul Karim, apologised to voters, supporters and campaign workers after he tested positive for Covid-19.

In his post on Facebook, Sufian prayed for a speedy recovery and strength to face his current challenge.

"Please take the necessary precautions and get tested," he said.

Nine held and compounds totalling RM57,000 issued

BUKIT MERTAJAM: Four eateries were ordered closed while nine sundry shops were issued with compounds during a joint operation by the authorities.

In total, all the 13 foreigner-run shops at a mall here were slapped with 21 compounds amounting to RM57,000 in the operation code-named Ops Sapu.

State Health Department officer Mohd Wazir Khalid, who led the operation, said the eateries were shut down after live cockroaches were found in the kitchen premises.

He said a local Chinese woman and eight Myanmar nationals, including a woman, were arrested under Section 4 of the Food Act 1983 for failing to produce work permits and prove business ownership.

"Some were also found to have hired workers who did not take typhoid injections or undergo food handling courses," he said after the operation yesterday involving the state Health Department, police and Seberang Prai City Council.

On the sundry shops, Wazir said they seized various food products along with alcoholic beverages worth RM3,860 in total.

"The items seized have no proper labelling, no importer or distributor addresses and most of the products were labelled entirely in Burmese.

"Selling food products without proper labelling or information is an offence.

"We are suspicious about the origins of these products and how these items were brought in to the country since imported items need



Fined: Officers raiding a sundry shop during Ops Sapu at a mall along Jalan Arumugam Pillai in Bukit Mertajam, Penang. — RENA LIM/The Star

to have labels either in English or Bahasa Malaysia," he said.

He said there was a particular drink, which had caused deaths, that could be found here.

"This is very worrying," Wazir said.

Last year, six deaths were report-

ed after two locals, three Myanmar nationals and another from India drank cheap liquor and died from methanol poisoning.

Meanwhile, Wazir said that although the premises that were raided had licences owned by Malaysians, almost 100% of them

were managed by foreigners.

"We warn those involved to take this seriously because if the premises are managed by foreigners, things can get difficult for the officials to carry out operations, especially in terms of communication," he said.

82 new cases recorded, Sabah tops list

PETALING JAYA: A total of 82 new Covid-19 cases were recorded over the past 24 hours with Sabah having the highest number.

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said 79 of them were local transmissions and the rest imported.

The local transmission cases comprised 53 locals and 26 foreigners.

Dr Noor Hisham said Sabah recorded the highest with 64 cases while the rest were from Negri Sembilan, Selangor and Kuala Lumpur.

"There were 33 new cases reported from the Benteng Lahad Datu cluster, bringing the total to 776 cases.

"So far, 10,775 people from this cluster have been screened," he said in a statement yesterday.

Dr Noor Hisham said 25 new cases were reported in the Bangau-Bangau cluster, bringing the total to 159 cases.

He said to date, 351 people linked to the cluster had been screened.

"There are eight patients warded in the intensive care units and four of them need ventilator support," he said.

Dr Noor Hisham also said the total infections stood at 10,769 cases with 851 active cases.

He said another 89 patients were discharged, bringing the total cumulative patients who have recovered to 9,785.

The death toll remains at 133.